




PantauPRU15

KENYATAAN MEDIA

CALON WANITA DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU15)

Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) menyaksikan peningkatan pencalonan wanita di kerusi Parlimen seramai 127 orang berbanding 72 orang calon wanita dalam PRU14. Daripada segi peratusan, iaitu 13.44% bagi PRU15 dan 10.48% bagi PRU14, tiada kemajuan yang ketara kerana jumlah calon lelaki turut meningkat daripada 687 orang (PRU14) kepada 945 orang (PRU15). Realiti terkini mengenai prestasi parti politik dalam penamaan calon wanita di peringkat Parlimen dapat dilihat seperti berikut.



Prestasi Parti Politik: Calon Parlimen Wanita PRU15

Peningkatan jumlah calon wanita PRU15 daripada pelbagai parti politik ialah petanda kejayaan gesaan sayap wanita parti politik dan masyarakat sivil, serta terbaru oleh gabungan pertubuhan wanita yang diterajui NCWO iaitu Jawatankuasa Pemantauan Masyarakat Sivil Pilihan Raya Umum ke-15 (Pantau PRU15). Gabungan Pantau PRU15 tidak putus-putus menggesa parti politik meningkatkan calon wanita sebelum Parlimen dibubarkan lagi. Kita mengharapkan peningkatan yang drastik, sekurang-kurangnya 30 peratus daripada setiap parti politik yang bertanding tetapi keadaan sebenar yang berlaku masih mendukacitakan.

Secara keseluruhannya, terdapat 103 kerusi Parlimen (46%) dalam PRU15 yang mempunyai calon wanita berbanding dengan 58 kerusi Parlimen (26%) dalam PRU14. Analisis menunjukkan 43 calon Parlimen wanita akan bertanding di 19 kerusi yang sama seperti berikut:

- **16 kerusi Parlimen dengan dua (2) calon wanita** iaitu Sik (P013), Tanjung (P049), Hulu Selangor (P094), Tanjong Karang (P095), Kapar (P109), Kuala Langat (P111), Wangsa Maju (P116), Setiawangsa (P118), Putrajaya (P125), Mersing (P154), Kota Kinabalu (P172), Beaufort (P177), Tenom (P181), Sandakan (P186), Kalabakan (P191) dan Lanang (P211).
- **Dua (2) kerusi Parlimen dengan tiga (3) calon wanita** iaitu Sepang (P113) dan Batu (P115).
- **Satu (1) kerusi Parlimen dengan lima (5) calon wanita** iaitu Ampang (P099).

Berdasarkan senarai calon oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), pecahan peratusan calon bagi kerusi Parlimen di setiap negeri adalah seperti berikut: Perlis (15.38%); Kedah (10.61%); Kelantan (12.90%); Terengganu (3.03%); Pulau Pinang (12.07%); Perak (8.00%); Pahang (10.91%); Selangor (17.74%); Negeri Sembilan (5.71%); Melaka (8.00%); Johor (12.50%); Sabah (17.65%); Sarawak (13.04%); Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (25.00%); Wilayah Persekutuan Putrajaya (33.33%); Wilayah Persekutuan Labuan (16.67%).

Data ini menunjukkan tiga (3) buah negeri dengan peratusan calon wanita bagi kerusi Parlimen tertinggi ialah (i) Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, (ii) Selangor, dan (iii) Sabah. Tiga (3) negeri dengan peratus calon wanita terendah ialah (i) Terengganu, (ii) Negeri Sembilan, dan (iii) Perak dan Melaka. Negeri Terengganu masih mencatatkan jumlah calon Parlimen wanita yang terendah iaitu seorang (1) sahaja di Dungun (P039) yang dicalonkan oleh parti politik Pejuang.

Sehubungan tempoh kempen pilihan raya dari 5 hingga 18 November 2022, Pantau PRU15 bersedia memberikan khidmat nasihat serta sokongan psikologi bagi membantu calon wanita mengharungi tempoh berkempen. Kita sudah mula mengenal pasti salah laku gangguan seksual dalam bentuk psikologi dan akan mengambil tindakan sewajarnya ke arah meraih sekurang-kurangnya 30% kerusi di Parlimen dan DUN di negeri Perlis, Perak dan Pahang. Kemenangan lebih ramai calon wanita ini akan menambah baik tadbir urus negara dan meningkatkan imej Malaysia di peringkat global terutamanya dalam Indeks Jurang Gender Global.

Pihak Pantau PRU15 mengalau-alukan semua calon wanita untuk menghubungi kami sekiranya memerlukan maklumat dan sokongan untuk kempen PRU15. Kami akan membantu semua calon wanita tanpa mengira ideologi dan fahaman parti politik.

#WanitaPemimpinRakyat#Min30PeratusWanita#MoreWomenBetterGovernance

PANTAU PRU15, 8 November 2022.

AHLI-AHLI DALAM JAWATANKUASA PEMANTAUAN MASYARAKAT SIVIL PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PANTAU PRU15)

1. Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)*
2. Rasuah Busters
3. Akademi Gagasan Minda Merdeka
4. Girls for Girls
5. ENGENDER
6. KANITA, USM
7. Pertubuhan Ikram Malaysia
8. Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM)
9. Women's Aid Organisation (WAO)
10. All Women's Action Society (AWAM)
11. Pertubuhan Naratif Malaysia (NARATIF)
12. Family Frontiers
13. POW.ER
14. Malaysian Association of Youth Clubs (MAYC)
15. GAP.MY
16. Persatuan Wanita Kedah (WANIDA)
17. White Ribbon Malaysia
18. Penang Women's Development Corporation (PWDC)
19. Purple Lily Kuching
20. KASIH Malaysia
21. Green Lifestyle Association
22. Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang
23. MyWatch

*NCWO merupakan sebuah majlis kebangsaan yang menggabungkan lebih daripada 200 badan bukan kerajaan (NGO) wanita di seluruh Malaysia.